



UCAPAN

YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

LAPORAN LAKSANA KE-24

PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN)
& PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

7 OCTOBER 2020



PENGENALAN

1. Assalamualaikum WBT dan salam hormat. Terima kasih kerana bersama saya dalam Laporan Laksana Ke-24 ini. Sesungguhnya, Laporan mingguan ini mencerminkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan dalam memastikan status pencapaian Pakej **PRIHATIN, PRIHATIN PKS+, PENJANA dan KITA PRIHATIN** dijalankan serta dilaporkan dengan secara telus dan terbuka. Di samping itu melalui Laporan Laksana ini juga membolehkan Kerajaan memberi maklumbalas berhubung isu-isu berbangkit dalam usaha menangani kesan wabak COVID-19 terhadap kelangsungan Malaysia secara amnya.
2. **Laporan LAKSANA Ke-24** akan memberi fokus kepada status pelaksanaan PENJANA dan diikuti dengan ulasan isu semasa, manakala inisiatif PRIHATIN akan dikongsi sebagai [lampiran](#) dan dimuat naik di laman web Kementerian Kewangan iaitu www.treasury.gov.my serta saluran media sosial rasmi.

TAHAP PENCAPAIAN KESELURUHAN SEMASA

3. Berikut merupakan tahap pencapaian keseluruhan semasa bagi pakej PRIHATIN:
 - a. Bagi pemberian tunai secara one-off - seperti bantuan kepada pelajar IPT, BPN, BSH, pemandu ehailing dan teksi, pesara kerajaan, dan lain-lain - yang melibatkan pembayaran sebanyak RM14.7 bilion, tahap pencapaian pelaksanaan adalah pada kadar yang tinggi iaitu 94%; dan
 - b. Bagi inisiatif yang melibatkan pelaksanaan dalam jangka masa antara 3 hingga 6 bulan pula – seperti diskaun bil elektrik, subsidi upah (asal), moratorium, e-CAP KSWP dan lain-lain – yang melibatkan penyaluran RM108 bilion, pelaksanaan adalah mengikut jadual pada tahap 85%.
4. Berikut merupakan tahap pencapaian keseluruhan semasa bagi pakej PENJANA:
 - a. Bagi pemberian tunai secara one-off - seperti e-Penjana, bantuan kepada golongan terjejas, geran secara one-off kepada pengendali taska dan tadika yang berdaftar dan lain-lain - yang melibatkan pembayaran sebanyak RM647 juta tahap pencapaian pelaksanaan adalah pada kadar yang tinggi iaitu 68%; dan
 - b. Bagi inisiatif yang melibatkan pelaksanaan dalam jangka masa antara 3 hingga 6 bulan pula – seperti lanjutan subsidi upah (asal), My30, PEKA B40, Shop Malaysia online dan lain-lain – yang melibatkan penyaluran sebanyak RM4.27 bilion, pelaksanaan adalah mengikut jadual pada tahap 43%. Ini adalah tahap yang memberangsangkan memandangkan inisiatif-inisiatif PENJANA telah mula dilaksanakan secara berfasa antara bulan Jun dan September.
5. Melalui unit LAKSANA, Kerajaan akan terus memantau pelaksanaan kesemua pakej rangsangan ekonomi yang telah diumumkan dan bekerja rapat dengan agensi pelaksana dalam memastikan bantuan sampai dengan cepat dan efektif, ini termasuk pakej KITA PRIHATIN yang diumumkan baru-baru ini.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

6. Di bawah PENJANA, inisiatif-inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat utama iaitu:
- Memperkasakan Rakyat;
 - Melonjakkan Perniagaan; dan
 - Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

7. **Pertama, Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PEKA B40)** yang dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Mereka yang layak iaitu penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangannya yang berdaftar dan berumur 40 tahun dan ke atas akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan untuk melakukan saringan kesihatan di klinik-klinik yang berdaftar dengan PEKA B40. Melalui skim ini, penekanan diberikan bagi menampung keperluan kesihatan seperti **pengesanan awal untuk penyakit tidak berjangkit**. Di antara 1 Julai sehingga 25 September 2020, sebanyak **99,694** tuntutan diterima yang berjumlah **RM6.64 juta**.
8. Pemohon yang layak bakal menerima manfaat lain daripada skim ini yang terdiri dari bantuan alat perubatan, insentif melengkapkan rawatan kanser dan insentif tambang pengangkutan. Pendaftaran masih dibuka dan saya ingin menggalakkan mereka yang layak agar mengambil peluang ini dan mendaftar melalui pautan rasmi KKM iaitu www.pekab40.com.my.

Bagi tempoh 1 Julai 2020 sehingga	Jumlah Tuntutan*	Nilai Bantuan* (RM juta)
25 September	99,694	6.64
18 September	90,694	5.92
11 September	82,935	5.16
4 September	73,592	4.50
31 Ogos	66,380	3.70
21 Ogos	57,456	2.56

*Jumlah Kumulatif

9. Kedua, bagi menggalakkan pusat asuhan kanak-kanak membuat peralihan ke arah amalan *Standard Operating Procedures* (SOP) norma baharu dan pengiktirafan premis, geran secara *one-off* yang bernilai sehingga RM5,000 disalurkan kepada setiap pengendali taska dan tadika yang berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Selain itu, insentif untuk melatih pengasuh baharu turut disediakan bagi penjagaan kanak-kanak dan kursus pendidikan awal di bawah KPWKM. **Setakat 25 September 2020, sejumlah RM19.86 juta telah dimanfaatkan oleh hampir 12,000 taska dan tadika bagi tujuan ini.**
10. Ketiga, **Program Subsidi Upah (PSU)**. Bantuan bagi PSU di bawah PRIHATIN diberikan kepada majikan untuk tempoh 3 bulan bermula April sehingga Jun. Di bawah Pakej PENJANA, bantuan ini telah dilanjutkan selama 3 bulan lagi bermula Julai sehingga September 2020 yang menjadikan PSU berjumlah 6 bulan secara keseluruhan. Terkini, PSU telah diputus untuk dilanjutkan lagi di antara 3 hingga 6 bulan di bawah pakej KITA PRIHATIN. Setakat 25 September 2020, sebanyak **RM11.93 bilion subsidi upah** telah diluluskan yang memanfaatkan lebih **2.6 juta pekerja**.

Tarikh Laporan	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
25 September	11.930	2.633	321,633
18 September	11.929	2.628	321,515
11 September	10.440	2.626	321,145
4 September	10.414	2.622	320,701
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah Kumulatif

11. Keempat, **Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan** dengan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion. Secara keseluruhannya **seramai 43,998 pekerja** (peningkatan daripada **38,186** minggu lalu) telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Jumlah ini merangkumi **34,476 orang di bawah umur 40 tahun**, **5,456 orang bagi golongan berusia di antara 40 hingga 60 tahun**, **284 OKU** dan **3,782 perantis**.

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Perkerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	OKU	Perantis	
25 September	34,476	5,456	284	3,782	43,998
18 September	29,575	4,829	270	3,512	38,186
11 September	25,752	4,324	256	3,356	33,688
4 September	21,604	3,722	232	3,019	28,577
28 Ogos	18,354	3,266	178**	2,818	24,616
21 Ogos	15,113	2,856	220	2,385	20,574

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah kerana selepas penyelarasan dan analisa lanjut, sejumlah pemohon didapati bukan OKU

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

12. Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) selaku komponen penting dalam pertumbuhan ekonomi negara adalah diberikan keutamaan dalam memastikan kelangsungan perniagaan mereka selaku salah satu penyumbang utama KDNK Negara. Pakej PENJANA terus bertujuan memberikan sokongan melalui peningkatan akses kepada pembiayaan dalam memulihkan beban aliran tunai jangka pendek PKS.
13. **Pertama**, sokongan Kerajaan bagi membantu mengekalkan pekerjaan serta meringankan bebanan seperti membantu aliran tunai PKS melalui peruntukan di bawah Tabung Bank Negara Malaysia antaranya:
 - a. Kemudahan **Automasi dan Digital PKS (Automation and Digitalisation Facility - ADF)** dengan peruntukan sebanyak RM300 juta untuk menggalakkan PKS mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi mereka bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan. PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM3 juta dengan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun. Kadar pembiayaan adalah pada 4% setahun. Permohonan untuk ADF dibuka mulai 6 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020. Setakat 25 September 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah **RM71.4 juta** yang akan memberi manfaat kepada **60** PKS.

- b. Kemudahan **Agromakanan (Agrofood Facility - AF)** dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara dan eksport. PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM5 juta dengan tempoh pembiayaan sehingga 8 tahun. Kadar pembiayaan ditetapkan untuk tidak melebihi 3.75% setahun. Setakat 25 September 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah **RM535.8 juta** yang akan memberi manfaat kepada **859** PKS.

14. **Kedua**, Kerajaan menyediakan bantuan dan menggalakkan PKS serta Syarikat Peringkat Pertengahan (MTC) ke arah pendigitalan operasi dan saluran perdagangan. Ini termasuk peruntukan sebanyak **RM100 juta** bagi **Geran Padanan Pendigitalan PKS** dengan kerjasama syarikat telekomunikasi, **RM500 juta** pembiayaan melalui **SME Technology Transformation Fund** dan **Geran Automasi Pintar** berjumlah **RM100 juta** dengan syarat had maksimum RM1 juta untuk setiap syarikat. Sehingga 25 September 2020, sebanyak 2,224 PKS telah memohon bagi ketiga-tiga bantuan ini dan **sejumlah RM18.3 juta telah diluluskan dan akan memanfaatkan 1,314 PKS**. Pecahan pemberian geran mengikut jenis adalah seperti di bawah:

- a. **Geran Padanan Pendigitalan PKS**. Sehingga 25 September 2020, sebanyak 2,324 PKS telah memohon bantuan ini dan **sejumlah RM4.7 juta telah diluluskan dan akan memanfaatkan 1,470 PKS**;
- b. **SME Technology Transformation Fund**. Sehingga 25 September 2020, sebanyak 20 PKS telah memohon bantuan ini dan **sejumlah RM18.4 juta telah diluluskan dan akan memanfaatkan 9 PKS**; dan
- c. **Geran Automasi Pintar**. Sehingga 25 September 2020, sebanyak 72 PKS telah memohon bantuan ini dan **sejumlah RM599,153 telah diluluskan dan akan memanfaatkan 5 PKS**.

15. **Ketiga**, Skim Pemulihan Perniagaan Tekun atau **TEKUN Business Recovery Scheme – TBRS**). Setakat 25 September 2020, sebanyak **RM75.5 juta** telah disalurkan dan memanfaatkan **11,383 PKS Mikro**.

Tarikh setakat	Permohonan* diluluskan	Jumlah disalurkan* (RM juta)
25 September	11,383	75.5
18 September	11,059	73.6
11 September	10,649	71.2
4 September	9,313	62.7
28 Ogos	6,908	47.7
31 Julai	909	6.8

*Jumlah Kumulatif

16. **Keempat, Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).** Setakat 25 September 2020, sebanyak **RM73.7 juta** telah disalurkan dan memanfaatkan **2,007 PKS dan PKS Mikro**.

Tarikh setakat	Permohonan* diluluskan	Jumlah disalurkan* (RM juta)
25 September	2,007	73.7
18 September	1,480	55.31
11 September	1,146	42.92
4 September	744	28.27
28 Ogos	399	15.23

**Jumlah Kumulatif*

17. **Kelima, Pembiayaan PKS PENJANA.** Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM2 bilion dan memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman dari bank sebelum ini. Sehingga 25 September 2020, sebanyak **3,351 permohonan PKS telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM795.3 juta.**

Tarikh Setakat	Permohonan* Diluluskan	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
25 September	3,351	795.3
18 September	3,064	744.5
11 September	2,566	639.6
4 September	2,131	562.3
28 Ogos	1,615	426.2
21 Ogos	1,172	329.5

**Jumlah Kumulatif*

18. Bagi memastikan **kelangsungan usahawan Bumiputera pula, Kerajaan juga menyediakan program pembiayaan Bumiputera berjumlah RM500 juta** untuk disalurkan melalui dua agensi iaitu:

- a. **Pertama, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).** Kriteria kelayakan tertumpu kepada kegunaan dana bagi modal kerja, perbelanjaan operasi, automasi sistem, serta peralatan dan perbelanjaan untuk pelaksanaan amalan penjarakan fizikal seperti alat perlindungan diri. Kemudahan pembiayaan adalah **dari RM100,000 sehingga RM1 juta** bagi tempoh sehingga lima tahun pada **kadar faedah 3.5% setahun beserta moratorium sehingga enam bulan dari tarikh pengeluaran.** Sehingga 25 September 2020, sejumlah **RM31.1 juta** telah memanfaatkan **87 perniagaan Bumiputera.**

- b. **Kedua, melalui MARA** yang berupa **pinjaman modal kerja** untuk membantu usahawan Bumiputera yang terjejas, termasuklah sektor pendidikan swasta dengan **had maksimum jumlah pinjaman RM1 juta** dengan **kadar faedah 3.5%** setahun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mara.gov.my.

19. Melalui **Kemudahan Pembiayaan Pelancongan PENJANA**, Kerajaan memperuntukkan **RM1 bilion** bagi membantu PKS dalam sektor pelancongan untuk memastikan kelangsungan dan daya saing dalam norma baharu. Kemudahan ini menawarkan **pinjaman modal kerja sehingga RM300,000** kepada PKS yang layak dengan kadar **faedah 3.5% setahun** dan tempoh bayaran balik sehingga tujuh tahun. PKS yang bergiat dalam sektor pelancongan disaran untuk merujuk kepada 12 bank terlibat bagi mendapatkan pembiayaan ini. Sehingga 25 September 2020, sebanyak 303 PKS telah memohon bantuan ini dan **sejumlah RM17.5 juta telah diluluskan yang akan memanfaatkan 90 PKS**.

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

Saudara dan saudari yang dihormati,

20. Seterusnya adalah pelaksanaan langkah di bawah **PENJANA Matlamat 3 iaitu Merangsang Ekonomi**.
21. **Pertama**, Kerajaan telah melancarkan **Dana Penjana Nasional** pada 27 Ogos 2020 dengan peruntukan RM1.2 bilion khusus kepada sektor modal teroka dan permulaan di Malaysia. Dana Penjana Nasional ini bertujuan untuk memacu pemulihan ekonomi melalui proses pendigitalan perniagaan negara dalam sektor teknologi berimpak tinggi. Daripada keseluruhan keseluruhan peruntukan dana berkenaan, sebanyak RM600 juta adalah suntikan pelaburan daripada kerajaan, manakala baki RM600 juta lagi adalah padanan sumbangan modal pelaburan daripada pelabur antarabangsa yang menjalinkan usaha sama strategik dengan pelabur domestik merentasi keseluruhan kitaran hayat modal teroka merangkumi *Seed/Co-Creation*, *Series A/B*, *Growth Stage* dan *Venture Debt*. **Tarikh akhir penyerahan bagi Cadangan Untuk Permintaan (RFP) telah ditutup pada 25 September 2020 yang lalu di mana sebanyak 51 RFP telah diterima untuk proses penilaian**.

22. **Kedua**, bagi menyokong **Sektor Pertanian dan Makanan**, Kerajaan telah memperkenalkan **Kemudahan Skim AgroMakanan (PENJANA)** di bawah Agrobank yang bernilai RM350 juta dengan kadar faedah 3.5% di mana nilai maksimum pembiayaan adalah sebanyak RM50 ribu sehingga 5 tahun. Pembiayaan ini bertujuan menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan Mikro terutamanya komuniti Agro di bawah kategori B40 yang terlibat dengan aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Sehingga 25 September 2020, **sebanyak 5,932 permohonan telah diluluskan dan sejumlah RM46.1 juta telah disalurkan yang memanfaatkan sebanyak 2,355 usahawan.**
23. **Ketiga**, permohonan ePenjana telah ditutup pada 24 September 2020 dan tempoh penggunaan kredit RM50 di dalam e-dompet ini telah tamat tempoh pada 30 September 2020. Sehingga 24 September 2020, **11.15 juta rakyat telah berjaya menerima RM50 dalam e-Dompet mereka dengan jumlah nilai sebanyak RM557.46 juta.**
24. **Keempat**, Sokongan bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan. Antara peruntukan yang disediakan adalah **sejumlah RM100 juta dalam bentuk pinjaman dengan faedah 3.5% dan RM30 juta geran untuk industri kreatif, acara dan pameran di bawah MyCreative Venture; manakala RM10 juta adalah di bawah CENDANA.** Sehingga 25 September 2020, **sebanyak 46 permohonan telah diterima bagi MyCreative Venture bernilai RM34.2 juta dan bagi inisiatif CENDANA pula sebanyak 120 permohonan telah diluluskan bernilai RM439,120.** Para penggiat industri kreatif adalah disaran untuk menggunakan peluang kemudahan yang disediakan ini dalam menghasilkan karya-karya mereka. Semua pemain industri terlibat boleh memohon bantuan dari kedua agensi berkaitan dengan melayari www.mycreative.com.my/penjana dan www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.

ULASAN ISU SEMASA

25. Satu sesi dialog bersama golongan profesional muda Bumiputera telah diadakan untuk meneliti sudut pandangan mereka dalam merangka Belanjawan 2021 yang holistik di Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 29 September 2020. Sesi ini telah menjadi salah satu **platform buat anak muda menyuarakan idea dan berkongsi pendapat mengenai pendidikan belia, jaminan makanan dan peningkatan kemahiran dalam ekonomi digital.** Turut hadir adalah Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, Pengerusi PNB dan Encik Ahmad Zulqarnain Onn yang merupakan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif PNB.

26. Sesi Konsultasi Belanjawan 2021 diteruskan bersama Bank Negara Malaysia di Sasana Kijang, Kuala Lumpur pada 1 Oktober 2020. Turut hadir adalah Datuk Nor Shamsiah, Gabenor Bank Negara Malaysia dan fokus perbincangan adalah tertumpu kepada **pemulihan ekonomi negara pasca krisis pandemik COVID-19** di samping keperluan untuk mengimbangi kelestarian fiskal dan langkah-langkah strategik yang perlu diambil bagi pembentangan Belanjawan 2021. Pasukan Belanjawan 2021 juga sempat berkunjung ke Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia (BNM MAG) dan berpeluang mempelajari sejarah ekonomi dan fakta menarik mengenai Bank Pusat yang dibuka kepada orang ramai melalui pameran secara maya/digital. Orang ramai digalakkan meneroka sendiri pengalaman pameran maya yang disediakan melalui pautan yang berikut:

a. **'Demi Tanah Air: 60 Tahun sebagai Bank Pusat':**

www.museum.bnm.gov.my/bnm60th/360vr.

b. **'Teknologi Kewangan: Nyata Kepada Maya':**

www.museum.bnm.gov.my/Fintech/360vr/.

MENERUSKAN MOMENTUM PEMULIHAN EKONOMI

27. Pada masa ini, kita sedang berhadapan dengan peningkatan kes-kes harian baharu COVID-19 yang mencecah sehingga tiga digit. Seperti yang dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia, majoriti kes tertumpu di beberapa kawasan di sekitar Sabah dan Kedah, dan sehubungan itu, tindakan PKP yang diambil oleh Kerajaan adalah secara bersasar. Pendekatan ini, antara lain, memastikan keseimbangan di antara usaha membendung penularan wabak COVID-19 dan penerusan aktiviti ekonomi. Seperti yang disarankan YAB Perdana Menteri, ekonomi kita perlu terus digerakkan dalam usaha pemulihan serta bagi menjamin kelangsungan hidup rakyat dan kestabilan ekonomi negara.

28. Dalam ulasan isu ekonomi semasa di dalam laporan-laporan LAKSANA sebelum ini, saya telah mengulas bahawa ekonomi negara sedang melihatkan penambahbaikan dari pelbagai perspektif dan indikator, termasuk penurunan angka pengangguran, peningkatan indeks perdagangan runcit dan borong, peningkatan pelaburan asing langsung, peningkatan produktiviti dalam industri pembuatan dan pembinaan, serta pelbagai lagi. Antara faktor yang menyumbang kepada pemulihan ekonomi adalah pelaksanaan bantuan dan langkah di bawah PRIHATIN dan PENJANA, tetapi tidak dilupakan, usaha rakyat Malaysia dan peniaga-peniaga yang mematuhi SOP-SOP yang telah ditetapkan. Selagi vaksin belum ditemui, pematuhan kepada SOP adalah penting dalam memastikan kesinambungan urusan harian dan perniagaan. Saya berterima kasih kepada rakyat dan peniaga yang memainkan peranan yang penting ini dan moga usaha diteruskan.

29. Kadar pemulihan ekonomi sekarang berada pada landasan yang betul, dan saya berharap momentum pemulihan ini dapat dikekalkan di dalam Belanjawan 2021 yang bakal diumumkan pada bulan November ini. Ketika perjumpaan saya bersama pihak berkepentingan pelbagai industri, isu yang sering dibangkitkan adalah sokongan berterusan Kerajaan buat perniagaan, terutamanya PKS, dalam memastikan ketersediaan untuk beroperasi dalam norma baharu serta menjana permintaan daripada pengguna dan pelabur bukan sahaja di dalam tetapi juga di luar negara. Kerajaan juga telah menerima pelbagai cadangan, dan sedang mempertimbangkan kesemuanya, bagi merangka Belanjawan 2021 yang berpaksikan rakyat, perniagaan dan ekonomi. Ini adalah demi memastikan kesinambungan pendekatan yang selaras dengan Pakej PRIHATIN dan PENJANA. Sesungguhnya, Kerajaan amat serius dalam mengekalkan momentum pemulihan ekonomi pada tahun 2020 dan melonjakkannya pada tahun 2021. Moga kita dapat bersama-sama berganding bahu dalam perjalanan ini.

Terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
7 Oktober 2020

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Setakat 25 September 2020, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM9.33 bilion (peningkatan daripada RM9.25 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.64 juta penerima (peningkatan daripada 4.63 juta minggu lalu). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Sehingga 25 September 2020, sebanyak RM274.45 juta telah disalurkan berdasarkan 863,424 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3.	Pemandu Teksi	Setakat 25 September 2020, Kerajaan telah menyalurkan bantuan tunai <i>one-off</i> kepada 33,835 pemandu teksi yang berjumlah RM20.30 juta .
4.	Pemandu Pelancong	Setakat 25 September 2020, seramai 7,635 pemandu pelancong (peningkatan daripada 7,629 pemandu) telah menerima bantuan tunai <i>one-off</i> berjumlah RM4.6 juta .
5.	Pemandu bas pelancongan	Pembayaran tunai <i>one-off</i> kepada pemandu bas pelancongan telah mula dibuat pada 22 Julai 2020. Setakat 25 September 2020, seramai 2,902 pemandu bas pelancong telah menerima bantuan berjumlah RM1.74 juta .

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN																																							
6.	Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Setakat 25 September 2020, sebanyak 69,864 permohonan telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 13,090 permohonan telah diluluskan bernilai RM84.95 juta bagi caruman KWSP majikan. <table> <tr> <th>Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP</th><th>Jumlah permohonan diterima*</th><th>Jumlah permohonan diluluskan*</th><th>Jumlah diluluskan* (RM juta)</th></tr> <tr> <td>25 September</td><td>69,864</td><td>13,090</td><td>85.0</td></tr> <tr> <td>18 September</td><td>69,864</td><td>13,090</td><td>85.0</td></tr> <tr> <td>11 September</td><td>69,417</td><td>13,040</td><td>84.8</td></tr> <tr> <td>4 September</td><td>68,985</td><td>12,994</td><td>84.5</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>68,532</td><td>12,904</td><td>84.2</td></tr> <tr> <td>31 Julai</td><td>65,986</td><td>12,425</td><td>82.1</td></tr> <tr> <td>26 Jun</td><td>36,107</td><td>9,542</td><td>63.9</td></tr> <tr> <td>31 Mei</td><td>26,509</td><td>5,245</td><td>34.8</td></tr> </table> <i>*Jumlah kumulatif</i>		Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)	25 September	69,864	13,090	85.0	18 September	69,864	13,090	85.0	11 September	69,417	13,040	84.8	4 September	68,985	12,994	84.5	28 Ogos	68,532	12,904	84.2	31 Julai	65,986	12,425	82.1	26 Jun	36,107	9,542	63.9	31 Mei	26,509	5,245	34.8
Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)																																				
25 September	69,864	13,090	85.0																																				
18 September	69,864	13,090	85.0																																				
11 September	69,417	13,040	84.8																																				
4 September	68,985	12,994	84.5																																				
28 Ogos	68,532	12,904	84.2																																				
31 Julai	65,986	12,425	82.1																																				
26 Jun	36,107	9,542	63.9																																				
31 Mei	26,509	5,245	34.8																																				
7.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 25 September 2020, pembayaran telah dibuat kepada 11,344 PKS (peningkatan daripada 11,211 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM377.8 juta (peningkatan daripada RM374.3 juta minggu lepas).																																					
8.	Program TEKUN	Setakat 25 September 2020, pembayaran telah dibuat kepada 25,724 PKS (peningkatan daripada 25,723 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM195.10 juta.																																					

9.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 25 September 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM10.67 bilion (peningkatan daripada RM10.6 bilion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada 22,984 PKS (peningkatan daripada 22,925 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana Special Relief Facility (SRF), Automation & Digitalisation Facility (ADF), All-Economic Sector Facility (AES) dan Agrofood Facility (AF). <table border="1" data-bbox="480 544 1361 1023"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>18 September</td><td>10.6</td><td>22,925</td></tr> <tr> <td>11 September</td><td>10.5</td><td>22,822</td></tr> <tr> <td>4 September</td><td>10.4</td><td>22,688</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imsME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	25 September	10.67	22,984	18 September	10.6	22,925	11 September	10.5	22,822	4 September	10.4	22,688	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																														
25 September	10.67	22,984																														
18 September	10.6	22,925																														
11 September	10.5	22,822																														
4 September	10.4	22,688																														
28 Ogos	10.3	22,440																														
Julai	9.6	21,410																														
Jun	8.4	19,539																														
Mei	6.9	16,833																														
April	1.5	3,636																														
MATLAMAT 3: PERKUKUH EKONOMI																																
10.	Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan	Setakat 25 September 2020, nilai moratorium tersebut dianggarkan berjumlah RM97.26 bilion. Daripada angka ini, sebanyak RM34.04 bilion adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh peminjam individu bernilai RM63.22 bilion.																														